

19 FEB 2003

Ghani-Air

MALAYSIA TIADA NIAT HENTI BEKALAN AIR KE SINGAPURA, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 19 Feb (Bernama) -- Jaminan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia akan terus membekalkan air sampai "kiamat" kepada Singapura menunjukkan negara ini tidak berniat menghentikan bekalan air ke republik itu, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata sebaliknya, kenyataan Perdana Menteri itu jelas menunjukkan keikhlasan Malaysia untuk terus menjadi jiran yang baik serta prihatin terhadap keperluan asas penduduk di negara itu.

Menurutnya semasa rundingan isu air antara kedua-dua negara, Singapura pernah meminta supaya Malaysia membekalkan air ke republik itu untuk selama 100 tahun lagi iaitu apabila tamatnya perjanjian air pada 2061.

"Cuba bayangkan... dia nak 100 tahun, tetapi kita bagi sampai kiamat. Kita sanggup bekal air sampai kiamat. Ini bermakna anak cucu untuk beberapa generasi penduduk republik itu dijamin akan terus dapat bekalan air," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Abdul Ghani berkata jaminan Perdana Menteri berhubung isu bekalan air itu adalah satu kenyataan yang sangat kukuh dan rakyat Singapura sewajarnya dapat melihat kebenaran di sebalik isu air itu, yang menjadi antara punca kerekahan hubungan dua hala.

Beliau berkata pemimpin dan Kementerian Luar Singapura sebaliknya telah memperlekehkan kenyataan Dr Mahathir itu yang dibuat semasa berucap melancarkan upacara pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) pada 14 Feb lepas di sini.

"Dia perlekehkan... kenyataan kita dia tak jawab, jadi dia perlekehkan PM dengan mengatakan PM sebagai penglipur lara dan juga "spin doctor". Mereka juga tidak menafikan telah membantah kepada pembinaan jambatan baru dan telah juga mencadangkan supaya jambatan dibina pada 2007 kelak," katanya.

Perdana Menteri ketika berucap pada majlis pecah tanah dan majlis perjumpaan muhibah yang dihadiri 10,000 orang di sini Jumaat lepas, telah membuat kenyataan dengan memberi jaminan Malaysia akan terus membekalkan air kepada Singapura sampai "kiamat" tetapi dalam bentuk air yang telah dirawat.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus membekalkan air yang dirawat kepada republik itu selepas tamatnya dua perjanjian air, masing-masing pada tahun 2011 dan 2061, dengan kos yang berpatutan kerana Malaysia telah mempelajari kemahiran dan teknologi menapis air serta merawat air mentah.

Malaysia dan Singapura menandatangani dua perjanjian air masing-masing pada 1961 dan 1962. Mengikut perjanjian 1961, Singapura boleh mendapatkan 80 juta gelen air sehari (MGD) dari kawasan tadahan Pulaui serta Sungai Tebrau dan Sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 pula membenarkan Singapura mendapatkan 50 juta gelen sehari dari Sungai Johor sehingga 28 Sept 2061. Kedua-dua perjanjian itu memperuntukkan supaya kajian semula harga air dibuat selepas 25 tahun iaitu masing-masing pada 1986 dan 1987.

Malaysia kini membekalkan air mentah ke Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli balik air yang dirawat pada harga 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

-- BERNAMA

RAM NAK

